SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'

Ruj. Tuan : IPK.Sel. Pent. 100-10/4/2 (18)
Ruj. Kami : 9 Zulhijjah 1433H
Tarikh : 24 Oktober 2012

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 43 TAHUN 2012

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 14 TAHUN 2012

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat pekeliling yang saya terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 1 Oktober 2012 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** akan **para 1 hingga 17** surat pekeliling berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.

S/K.KEW/PK/KP/9999/200405/57/887 JLD.20 (SJ.5)(11)

Setiausaha Kerajaan Selangor
23 OCT 2012
SUB (K/P)

DITERIMA
19 OCT 2012
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor D.E.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 14 TAHUN 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SUB (KP)

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
Setiausaha Kerajaan Negeri
Selangor

KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL BAGI PEROLEHAN LAMPU JALAN, LAMPU HIASAN, LAMPU LUAR BANGUNAN DAN AKSESORI BERKAITAN BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN

TUJUAN

1. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan memaklumkan mengenai Kontrak Pusat Sistem Panel (**Kontrak Panel**) Bagi Perolehan Lampu Jalan, Lampu Hiasan, Lampu Luar Bangunan Dan Aksesori Berkaitan Bagi Projek-Projek Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju agar item Lampu Jalan, Lampu Hiasan, Lampu Luar Bangunan Dan Aksesori Berkaitan Bagi Projek-Projek Kerajaan diuruskan melalui **Kontrak Panel**. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item tersebut hanya di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik sahaja.

3. Kriteria pelantikan syarikat panel pembekal adalah seperti berikut:-

   i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembuat dalam kod bidang berkaitan 140599 (Lampu Dan Kelengkapan);

   ii. Syarikat bertaraf Bumiputera sepanjang tempoh kontrak;

Bil 12
Lebahan sdn

iii. Produk mempunyai sijil perakuan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau IKRAM QA Services Sdn. Bhd., mana yang berkaitan; dan

iv. Setiap produk hendaklah tersenarai dalam senarai bahan barangan buatan tempatan yang diiktiraf oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd.

MAKLUMAT SYARIKAT KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL

4. Maklumat syarikat panel pembekal adalah seperti di **Lampiran A.**

5. Agensi hendaklah memastikan syarikat yang dilantik mengemukakan laporan seperti di **Lampiran B** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun sebelum 15 haribulan berikutnya sebagai memenuhi keperluan **Kontrak Panel** ini.

TEMPOH KONTRAK

6. Tempoh **Kontrak Panel** adalah **sehingga 31 Disember 2013.** Selepas tempoh tersebut, Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item bagi perolehan Lampu Jalan, Lampu Hiasan, Lampu Luar Bangunan Dan Aksesori Berkaitan Bagi Projek-Projek Kerajaan kepada semua Agensi Kerajaan daripada **Kontrak Panel.**

KAEDAH PEROLEHAN

7. Perolehan bagi item Lampu Jalan, Lampu Hiasan, Lampu Luar Bangunan Dan Aksesori Berkaitan hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi di kalangan syarikat panel pembekal dengan mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan seperti berikut:-

Bil.	Had Nilai Perolehan	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Sehingga RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan mana-mana syarikat panel pembekal	Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
3.	Melebihi RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal	Lembaga Perolehan Agensi

8. Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000.00 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (**AP**) 176.1.

9. Kajian pasaran yang berpatutan hendaklah dibuat supaya perolehan yang hendak dilaksanakan adalah yang paling sesuai dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.

PELAKSANAAN PEROLEHAN SECARA *eBIDDING*

10. Agensi Kerajaan adalah digalakkan untuk membuat perolehan secara *eBidding*, selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

11. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ini. Agensi tidak dibenarkan memperoleh daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

12. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan senarai *Bill of Quantities* (***BQ***) dan dokumen tender dan perjanjian bagi projek kerja dimasukkan syarat bahawa kontraktor mesti mendapat bekalan lampu jalan, lampu hiasan, lampu luar bangunan dan aksesori berkaitan daripada pembekal yang telah disenaraikan di **Lampiran A**. Bagi perolehan kerja yang dibuat selain daripada kaedah konvensional, keperluan atau syarat perolehan item-item tersebut di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik di atas hendaklah dijadikan sebagai **syarat mandatori** dalam dokumen tender dan dokumen perjanjian. Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi, kontraktor hendaklah mengemukakan salinan *delivery order* kepada Agensi semasa membuat tuntutan bayaran kemajuan.

HAL-HAL LAIN

13. Syarikat panel pembekal bagi Item Lampu Jalan, Lampu Hiasan, Lampu Luar Bangunan Dan Aksesori Berkaitan adalah diwajibkan menggunakan komponen item dari pengilang/pembuat tempatan sekiranya komponen itu tidak dikeluarkan sendiri oleh pihak syarikat. Penggunaan komponen import dari luar negara tidak dibenarkan sama sekali bagi komponen-komponen item yang telah dikeluarkan oleh pembuat tempatan dan memenuhi spesifikasi/standard yang ditetapkan.

14. Pelanggaran kepada syarat yang ditetapkan di para 13 boleh mengakibatkan pelantikan syarikat panel pembekal akan ditarik balik. Agensi dikehendaki memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati pihak syarikat panel pembekal tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

15. Agensi juga hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat panel pembekal yang kurang memuaskan, selaras dengan Lampiran 3 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan (**SPP**) Bil.6 Tahun 2010 ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

16. Sebarang pertanyaan mengenai **PKP** ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3243 atau 03-8882 3239.

KUAT KUASA

17. **PKP** ini berkuat kuasa mulai tarikh ditandatangani hingga 31 Disember 2013. Dengan berkuat kuasanya **PKP** ini, **PKP** Bil. 7 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(DATO' FAUZIAH YAACOB)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh : 1 Oktober 2012

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
4.	Muarlite Industries Sdn. Bhd.	KM3, Jalan Temenggong Ahmad 84000 **Muar** Johor No. Tel : 06-9812 555 No. Faks : 06-9812 444 E-mel : muarlite@yahoo.com	CIMB Bank Berhad No. 57-3 & 57-4 Jalan Sulaiman 84000 **Muar** Johor No. Akaun Bank: 01130003487055
5.	Novabrite Lighting Sdn. Bhd.	Lot 3 Jalan Lada Hitam Satu 16/12A Seksyen 16 40200 **Shah Alam** Selangor No. Tel : 03-5519 0160 : 03-5519 9160 No. Faks : 03-5512 7160 E-mel : myg@novabrite.com.my	Public Bank Berhad 36-40 Medan Setia 2 Plaza Damansara Bukit Damansara 50490 **Kuala Lumpur** No. Akaun Bank: 3133210403
6.	Permintex Electronic Sdn. Bhd.	Plot 1 Kawasan Perindustrian Bandar Darul Aman 06000 **Jitra** Kedah No. Tel : 04-919 9199 : 04-919 0193 No. Faks : 04-919 0190 E-mel : syedrofli_ptex@yahoo.com	Malayan Banking Berhad 175 & 176 Jalan PJ 7 Pekan Jitra 2 06000 **Jitra** Kedah No. Akaun Bank: 502063000600

Tarikh kemaskini: / Oktober 2012

LAMPIRAN A

SENARAI SYARIKAT PANEL BAGI PEROLEHAN LAMPU JALAN, LAMPU HIASAN, LAMPU LUAR BANGUNAN DAN AKSESORI BERKAITAN BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
1.	Amat Sinar Sdn. Bhd.	23-1, 1st Floor Jalan 3/27D Seksyen 6, Wangsa Maju 53300 **Kuala Lumpur** No. Tel : 03-4143 6051 No. Faks : 03-4143 8020 E-mel : info1@amatsinar.com	Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat Bawah Bangunan Persatuan Nelayan (NEKMAT) Lot 150A,152A & 154A Jalan 2/3A Pusat Bandar Utara KM12 Off Jalan Ipoh 68100 **Batu Caves** Kuala Lumpur No. Akaun Bank: 14069010007010
2.	Extra-Built (M) Sdn. Bhd.	2 & 3, Wisma Little Jalan Halba 16/16 Seksyen 16 40200 Shah Alam **Selangor** No. Tel : 03-5511 8980 : 03-5510 0543 No. Faks : 03-5511 8407 E-mel : extra_build@yahoo.com	Hong Leong Bank Berhad Ground Floor, Menara EON Bank No. 288, Jalan Raja Laut **Kuala Lumpur** No. Akaun Bank: 33100011192
3.	Shamawar Elektrika Sdn. Bhd.	No. 30, Jalan Pekaka 8/4, Seksyen 8, Kota Damansara 47810 **Petaling Jaya** Selangor No. Tel : 03-6141 8364 No. Faks : 03-6141 8367 E-mel : shakir@shamawar.com.my	Malayan Banking Berhad No. 2, Lorong Rahim Kajai 14 Taman Tun Dr. Ismail 60000 **Kuala Lumpur** No. Akaun Bank: 514271333116

LAMPIRAN B

PENYATA PESANAN

NAMA ITEM : LAMPU JALAN, LAMPU HIASAN, LAMPU LUAR BANGUNAN DAN AKSESORI BERKAITAN

BAGI BULAN _____ TAHUN _____

Bil.	Nama Agensi	Kaedah Perolehan	No. Pesanan / Tarikh Pesanan	Kuantiti Pesanan	Nilai (RM)	Tarikh Bekalan	Kuantiti Yang Dibekalkan	Kuantiti Yang Belum Dibekalkan
	JUMLAH							

Adalah disahkan bahawa penyata yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan Kontraktor :

Jawatan :

Tarikh dan Cop Syarikat :